

G-8: Asia menaruh harapan kepada Jepun

BH - 8 JUL 2000

DARI 21 hingga 23 Julai ini, ketua kerajaan lapan negara terkaya akan bertemu di Okinawa, Jepun bagi membincangkan pelbagai isu dan dasar dunia serta menentukan hala tujunya.

Walaupun mesyuarat Kumpulan Lapan (G-8) itu membabitkan Amerika Syarikat, Jepun, Jerman, Perancis, Itali, Britain, Kanada dan Russia, sebarang keputusan boleh memberi kesan kepada seluruh dunia dan inilah yang membimbangkan negara kecil seperti Malaysia.

Ikuti pandangan wartawan *Berita Harian*, M THILLINADAN, mengenai harapan negara membangun, khususnya Asia, terhadap mesyuarat itu serta peranan Jepun sebagai satu-satunya wakil Asia.

"TIDAK harapkan apa-apa," itulah jawapan spontan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ditanya wartawan yang membuat liputan lawatan kerja beliau ke Jepun bulan lalu mengenai harapannya terhadap mesyuarat Kumpulan 8 (G-8) di Okinawa dari 21 hingga 23 Julai ini.

mai penganalisis kewangan berpendapat serangan terhadap mata wang Asia pada 1997, adalah rancangan besar Barat untuk melaksanakan penaklukan ekonomi atas nama globalisasi.

Ketika menyampaikan ucapan bertajuk 'Masa Depan Asia' pada Persidangan Antarabangsa

pemerhati politik berpendapat ia sukar bagi Jepun kerana penguasaan Amerika Syarikat dan konco-konconya dari Eropah dan Amerika Utara terhadap blok negara kaya itu.

Ini sudah dilihat apabila inisiatif asal Malaysia melalui Jepun untuk menubuhkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) ditentang habis-habisan oleh Amerika walaupun kemudian mereka sendiri menubuhkan blok ekonomi baru, Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta).

Nasib yang sama diterima oleh Jepun ketika mencadangkan untuk menubuhkan Tabung Mata Wang Asia (AMF) pada 1998 sebagai persiapan menghadapi sebarang krisis kewangan di Asia pada masa depan.

Persoalannya, sejauh mana seriusnya Jepun untuk menjadi pemimpin atau suara Asia bersama China dan Korea Selatan banyak bergantung kepada kesediaan mereka menjauhkan diri atau mengorbankan hubungan 'intim' dengan Amerika Syarikat.

Walaupun idea EAEC cetusan Dr Mahathir sudah menjadi kenyataan dalam bentuk Asean + 3, Jepun jelas terpaksa

secara terus terang berkatn Jepunlah harapan Asia pada masa ini untuk menjadi suaranya, khususnya bagi negara sedang membangun dan negara miskin.

Beliau berpendapat Jepun tidak perlu rasa bersalah atau minta maaf kerana kesilapan nenek moyang mereka (kerana terbabit dalam Perang Dunia Kedua).

Mengapa Jepun yang perlu *kow tow* dan rasa bersalah, padahal Jerman dan Itali juga turut melalui sejarah yang hampir sama dengan Jepun tetapi tidak pernah berasa bersalah atau meminta maaf berkali-kali kepada seluruh dunia terhadap penindasan yang mereka lakukan.

Padahal Jepun sepatutnya berasa bangga dengan pencapaiannya menjadi kuasa baru ekonomi selepas hampir diranapkan oleh abang mereka pada akhir Perang Dunia Kedua. Jepun adalah kuasa ekonomi kedua terbesar selepas Amerika Syarikat.

Jepun tidak sepatutnya melutut kepada Amerika atau Eropah. Jepun boleh memimpin Asia menjadi sebuah kuasa baru. Asia pada saat cuba dijah oleh kuasa ekonomi besar

kebebasan politiknya dengan memperkenalkan pelbagai pendekatan yang dikatakan tidak mesra kuasa besar, seperti kawalan mata wang terpilih, Malaysia dikritik hebat. Malah, negara Asia lain turut menyertai mereka.

Bagaimanapun, keadaan itu sudah mula berubah. Negara membangun, khususnya Asia, sudah membuka mata apabila melihat kejayaan Malaysia mengatasi krisis ekonominya.

PETIKAN

Jepun tidak sepatutnya melutut kepada Amerika atau Eropah, sebaliknya boleh memimpin Asia menjadi sebuah kuasa baru.

Contoh terbaik ialah Indonesia yang kini berura-ura mahu mencontohi Malaysia selepas

Jawapan Perdana Menteri itu merumuskan nasib Asia, khususnya negara miskin dan membangun, untuk mendapatkan pembelaan sewajarnya daripada kuasa besar ekonomi mengenai masa depannya.

Pandangan ikhlas Dr Mahathir itu seolah-olah menggambarkan rasa meluat beliau dan pemimpin negara membangun dan miskin dengan sikap kuasa besar, yang enggan mendengar pandangan atau rintihan mereka mengenai pelbagai isu.

Kecuali Perancis dan mungkin Jepun, negara anggota lain, iaitu Amerika Syarikat, Britain, Itali, Kanada, Jerman dan Russia, tidak mahu negara miskin duduk semeja dengan mereka, katanya.

Anehnya, suka atau tidak, mesyuarat G-8 itu juga akan berbincang dan membuat keputusan mengenai pelbagai isu dan dasar yang menyentuh kepentingan negara miskin dan membangun seperti globalisasi dan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) yang dikhuatiri akan menjadikan negara-negara membangun melarat.

Jika tidak ada kawalan terhadap proses globalisasi yang kini menjadi ideologi politik terbaru kuasa besar, negara membangun seperti Malaysia terdedah kepada serangan terbuka oleh syarikat gergasi dari Barat.

Syarikat besar yang kini mula bergelag gergasi melalui penggabungan sudah menunjukkan tarung mereka bagi menakluki syarikat kecil dan bermasalah di negara membangun. Malah, ra-

Nihon Keizai (Nikkei) Shimbun Keenam di Tokyo, Perdana Menteri memberi amaran kepada Asia supaya mempelajari daripada sejarah mengenai pelbagai ideologi yang digunakan Barat untuk menyebarkan kuasa mereka di rantau ini.

PETIKAN

Suka atau tidak, Asia tidak banyak pilihan melainkan terus bersandar harapan kepada Jepun.

Walaupun tidak menyokong slogan "Abad 21, abad Asia", beliau berkata Asia tidak boleh terus mengikut tetapi berani dan tegas untuk membuktikan kepada dunia bahawa Asia sedia menjadi model kepada dunia.

Secara terang-terang, beberapa pemimpin Asean yang mengadakan mesyuarat tidak formal dengan Perdana Menteri Jepun, Yoshiro Mori, turut menaruh harapan kepada Jepun supaya menjadi suara Asia dalam mesyuarat G-8 itu.

Walaupun Mori sendiri dalam ucapannya pada majlis makan malam Persidangan Antarabangsa Nikkei itu memberi jaminan beliau akan membawa suara dan harapan Asia ke G-8,

tunduk kepada 'abang' mereka dengan tidak mengiktiraf EAEC dalam bentuk asalnya kerana ia datang dari sebuah negara kecil dan pemimpinnya pula disegani di seluruh dunia.

Suka atau tidak, Asia tidak banyak pilihan melainkan terus bersandar harapan kepada Jepun. China tidak menerima pengiktirafan sewajarnya kerana ideologi politiknya sambil Korea Selatan pula masih dalam proses pemulihan ekonomi.

Harapan untuk melihat sebuah negara Korea yang bersatu dengan kekuatan ekonomi dan senjata masih samar-samar walaupun kedua-dua negara Korea sudah mengorak langkah ke arah itu.

Pakar strategi Asia menyifatkan penyatuan Korea Utara dan Selatan akan membentuk sebuah kuasa besar baru dunia yang lebih kuat daripada Jepun dari segi ekonomi dan lebih kuat daripada China dari segi ketenteraan.

Seperti kata Presiden Korea Selatan, Kim Dae-Jung, penyatuan kedua-dua negara Korea boleh menjadi kenyataan tetapi soalnya ialah bila... mungkin 10 atau 50 tahun lagi.

Jika Korea bersatu, Asia yang selama ini ditindas serta dahagakan sebuah kuasa besar untuk berlindung, mungkin mendapat kawan baru yang lebih berani dan tegas daripada Jepun kerana pengaruh Korea Utara. Korea Utara dikenali membenci Amerika Syarikat.

Dr Mahathir ketika berdialog dengan peserta persidangan itu,

memerlukan bantuan Jepun untuk membebaskan diri.

Asia dengan hampir tiga perempat jumlah penduduk dunia mempunyai pasaran yang begitu luas untuk menjadi sebuah ekonomi yang bebas dan keupayaan nuklear India, Pakistan, Korea Utara, selain China dan Jepun boleh melahirkan sebuah Asia yang kuat dari segi politik.

Dr Mahathir sendiri yakin jika Jepun dapat memimpin Asia, Asia boleh memimpin Afrika, Eropah Timur dan Amerika Latin keluar daripada belenggu kemiskinan dan kancas perang saudara.

Asia boleh menjadi model kepada dunia, berkongsi dan menguasai. Asia boleh bekerjasama dengan semua blok ekonomi atau politik lain untuk mewujudkan sebuah dunia yang sihat dan maju, kata Perdana Menteri.

Walaupun pemimpin-pemimpin Asean telah menyampaikan pandangan mereka kepada Mori untuk dibawa ke G-8, masing-masing sudah tentu tidak menaruh harapan, sama seperti Dr Mahathir.

Malaysia yang sudah lama cuba menarik perhatian negara ekonomi besar mengenai pelbagai isu mendesak seperti peranan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Bank Dunia dan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) dan keperluan mewujudkan kerangka kewangan antarabangsa, sepatutnya lebih tahu.

Apabila Malaysia cuba mempertahankan kedaulatan dan

mata wang rupiahnya terus dimanipulasi dan ekonominya 'dijajah' oleh syarat yang dikenakan IMF dan Bank Dunia.

Menurut satu kajian sebuah akhbar Indonesia, 70 peratus rakyatnya dikatakan mahu Indonesia memperkenalkan kawalan terhadap mata wang seperti yang dilakukan Malaysia. Bagaimanapun, sukar untuk Indonesia mengikut jejak langkah Malaysia kerana dicengkam IMF dan Bank Dunia yang memberi amaran supaya memulangkan semua pinjamannya jika mahu mengikut Malaysia.

Kebanyakan negara membangun, sama ada dalam Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) atau G-77, kini menaruh harapan kepada Malaysia untuk membawa pandangan dan isu membabitkan mereka ke peringkat tertinggi. Ada yang melihat Malaysia sebagai suara negara membangun dan miskin.

Soalnya, bolehkah Malaysia memainkan tanggungjawab itu? Malaysia, walaupun herani dan lantang, masih tidak mempunyai kekuatan ekonomi untuk duduk bersama kuasa besar itu.

Sehingga itu, harapan Asia tetap kepada Jepun. Selagi Jepun tidak bangkit, selagi itulah Asia terpaksa tnelut kepada kuasa besar ini. Tetapi jika perkembangan ekonomi Asia berterusan seperti sebelum krisis 1997, nescaya Asia akan bangkit dan memimpin.

Asia pernah melakukannya sebelum ini dan sudah tentu ia mampu mengulanginya.